

26 SEP 2002

Koh-Peruntukan

PULAU PINANG TERIMA PERUNTUKAN RM47 JUTA UNTUK PROJEK KECIL

NIBONG TEBAL, 26 Sept (Bernama) -- Pulau Pinang diberi peruntukan tambahan sebanyak RM47 juta bagi melaksanakan projek-projek kecil sebelum akhir tahun ini bagi merangsang ekonomi negeri, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini.

Peruntukan itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2003 di Parlimen minggu lepas, katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Negeri di Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di Jawi, dekat sini.

Menurutnya peruntukan itu akan diagihkan mengikut kawasan-kawasan Parlimen dalam bandar yang masing-masing akan menerima RM3 juta manakala kawasan Parlimen luar bandar pula RM5 juta. Pulau Pinang mempunyai 11 kawasan Parlimen.

Koh berkata projek-projek kecil yang akan dilaksanakan itu berharga tidak lebih RM200,000.

Beliau berkata sejak Januari lepas, Pulau Pinang telah membelanjakan RM27.1 juta untuk melaksanakan 1,055 projek di seluruh negeri menerusi peruntukan pembangunan yang sama.

Tahun lepas, Pulau Pinang membelanjakan RM53 juta menerusi perbelanjaan pembangunan bagi melaksanakan lebih 1,000 projek di seluruh negeri, katanya.

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis makan tengah hari bersama pemimpin masyarakat, Koh berkata para petani di kawasan Sungai Acheh di daerah ini telah dapat meningkatkan hasil padi kepada antara empat dan tujuh metrik tan semusim daripada antara satu dan dua metrik tan sebelum ini setelah pengurusan perparitan dan saliran di kawasan itu diambil alih oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang daripada JPS Kerian di Perak.

Sementara itu, ketika merasmikan Rumah Pam JPS di Jalan Teluk Ipil yang merupakan rancangan tebatan banjir Nibong Tebal dekat sini, Koh meminta rakyat negeri ini supaya tidak menjadikan sungai-sungai sebagai pasar raya barang-barang terpakai.

Katanya ada di kalangan penduduk yang mempunyai tabiat buruk dan menjadikan sungai sebagai tempat membuang barang-barang yang tidak berguna seperti televisyen, katil serta kereta.

Koh berkata kerajaan boleh membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk membersihkan sungai tetapi rakyat juga perlu memberi kerjasama dengan tidak membuang sampah-sarap ke dalam sungai.

Pada keseluruhannya, keadaan sungai-sungai di negeri ini tidak memuaskan, katanya.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Pengarah JPS Encik Ahmad Fuad Embi berkata jabatan itu diperuntukkan RM78.8 juta bagi melaksanakan Projek-projek Tebatan Banjir di seluruh negeri ini bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RM8) yang sedang dilaksanakan sekarang.

Rancangan Tebatan Banjir Nibong Tebal berharga RM10 juta yang siap Jun lepas, dapat menyelesaikan masalah banjir yang berlaku kira-kira lima kali setahun di kawasan itu terutama pada musim hujan memandangkan ia terletak berhampiran Sungai Kerian yang dipengaruhi arus pasang surut.

-- BERNAMA

AHM LAT